

AGAMA ITU NASIHAT

DIDIKAN AKHLAK

Untuk perhatian pembaca-pembaca maka ada baiknya dalam ruangan ini kita siarkan makalah yang ditulis oleh Tuan Muhammad Ali yang ditulisnya berturut-turut dalam majalah al-lisan atas mauduk didikan akhlak yang rasanya molek menjadi cermin di dalam kedudukan kita yang bergelora dengan ayunan gelombang meniru moden barat. Makalah ini kita tukar bahasanya mengikut cara bahasa kita di sini.

Dengan akhlak (perangai atau budi pekerti) dapat kita mengukir perdirian sesuatu umat dalam kerendahan atau kemuliaannya. Kalau akhlak mereka itu baik dan utama maka tandanya mereka dalam kemuliaan, sebaliknya pula sekiranya mereka berakhlak jahat dan hina maka tidak syak lagi kedudukan mereka dalam kerendahan sekalipun mereka hidup mewah, dalam kebesaran, serba cukup keperluan hidupnya bahkan walau sekalipun mereka menguasai dunia ini.

Jadi akhlak itulah ukuran yang akhir bagi menentukan keadaan sesuatu umat, ukuran yang diterima oleh perasaan kemanusiaan yang suci dan dibenarkan pula oleh semua agama yang datangnya daripada Tuhan. Sesuatu umat belum boleh dikatakan mulia kerana mewah dan kebesaran jika di sisi kemewahan dan kebesaran itu mereka berakhlak jahat dan hina kerana yang akan tinggal atau yang akan ditinggalkan olehnya itu bukannya kemewahan dan kebesaran itu tetapi adalah akhlak semata-mata. Akhlak itulah yang menjadi peninggalan yang kekal yang tidak akan hapus selama dunia diduduki oleh manusia sedang kemewahan dan kebesaran itu akan lenyap apabila umat itu binasa dan hancur.

Lenyapnya kemuliaan sesuatu umat itu adalah disebabkan

oleh kerana hilangnya akhlak yang baik dan utama daripada mereka itu dan umat itu akan kekal ialah kerana akhlak itu kekal kepada mereka. Benar sungguh seperti kata ahli syair yang bernama Tuan Ahmad Syauqi dalam salah satu syairnya yang maksudnya begini: "Sesungguhnya umat-umat itu tidak lain melainkan akhlak selama akhlak itu ada, jika akhlak itu lenyap nescaya lenyap pula mereka itu."

Oleh sebab yang demikian maka memperkatakan akhlak itu bukanlah ia suatu perkara kecil, bukan seperkara yang mesti diambil tetapi ia menjadi seperkara yang mengenai masyarakat hidup yang akan menggugat darjat manusia kepada tingkatan yang semulia-mulianya atau kalau salah jalan akan membawa mereka kepada serendah-rendah darjatnya.

Membentangkan masalah akhlak ini pada masa sekarang adalah tersangat mustahak terutamanya pada masa yang umumnya kejahatan itu telah melebihi daripada kebajikan, batil telah menggagahi kebenaran, perbuatan cemar menjadi pekerjaan biasa, masa yang ibu bapa sentiasa khuatir akan merosakkan perangai anaknya disebabkan oleh pergaulannya, ilmu pengetahuan telah dipengaruhi oleh hawa nafsu dan pujukan syaitan dan masa yang telah nyata pula bahawa manusia itu tidak boleh dipimpin kepada jalan yang kebajikan dengan semata-mata ilmu pengetahuan atau dengan lebih nyata meninggalkan pengajaran-pengajaran agama. Kita telah melihat dengan nyata dan terang bahawa perbuatan-perbuatan yang asi dan ditegah dilakukan dihadapan ramai dengan tidak bersilu lagi.

Bagi kaum Muslimin adalah lebih mustahak meamalkan soal ini kerana kedatangan Nabi mereka menjadi penyempurna kepada akhlak yang baik dan utama itu, sebagaimana yang disabdakannya dalam hadisnya (maksudnya): "Aku diutus bagi menyempurnakan akhlak yang mulia".

Sebagai galakkan lagi supaya umat mempunyai akhlak yang baik maka Rasulullah bersabda lagi (maksudnya): "Orang mukmin yang lebih sempurna imannya ialah orang yang lebih bagus akhlaknya".

Rasullullah tidak menganjurkan umatnya berakhlak baik dan utama melainkan lebih dahulu ia mempunyai akhlak

KAWAN DAN LAWAN

Pada zaman ini orang mustahak sungguh bercermat mencari kawan sebab banyak lawan yang berbulu kawan sebaliknya pula kita perlu bijak menarik kawan yang berbulu lawan, oleh sebab didalam pengalaman kerap kali terjadi orang yang disangka lawan itu sebenarnya kawan dan yang disangka kawan itu sebenarnya lawan. Kawan itu ada tiga :

1. Kawan yang ikhlas, cinta, menolong dan mengorbankan apa yang ada pada miliknya untuk keselamatan kita.
2. Kawan yang berniat baik kepada kita tetapi tidak menentukan bantuan dan pertolongan dan
3. Kawan yang pandai bercampur atau berbual dengan lidahnya tetapi perbuatannya menyusahkan kita dan ia membanyakkan dusta dan sumpah kepada kita.

Oleh sebab itu pilihlah di antara tiga itu mana yang patut dijadikan kawan dan jauhan yang akan menjadi lawan – kata Muhammad Ali (dipetik dari majalah Al-Lisan).

yang mulia, sopan yang jati dan berperangai yang terpuji sehingga dengan kerananya Allah telah memberi pujian kepadanya yang belum diberi kepada yang lain sebagaimana dinyatakan didalam al-Quran (maksudnya) “sesungguhnya engkau berakhlak yang maha utama.”

Tiap-tiap orang islam harus merasa berkewajipan mendidik diri dan anak-anak mereka supaya berakhlak baik dan utama dan didalam tiap-tiap tempat belajar adalah sangat mustahak memerhatikan masalah ini. Janganlah kiranya mengutamakan sangat ilmu pengetahuan yang berjenis-jenis atau mengutamakan soal hidup sahaja padahal akhlak tidak diperhatikan.

Tidak bermakna apa-apa ilmu pengetahuan yang berjenis-jenis dan kehidupan yang senang dan mewah itu sekiranya mereka dan anak-anak mereka berakhlak (berperangai) jahat dan hina, ketiadaan akhlak yang baik akan membawa kerosakkan dan kerendahan.

WASIAT YANG BERTAMBAH

Orang tak suka berdusta kalau tak sedap, orang bodoh kalau dikatakan pandai, ia suka oleh kerana sedap tetapi orang bodoh tidak suka dikatakan bodoh oleh kerana gelaran itu tak sedap. Orang-orang yang sebenarnya buat kalau dikatakan ia buat ia marah – ini menunjukkan nafsu dan batil mendapat tempat yang besar di dalam hati manusia.

* * * *

Sebaik-baiknya rumah di antara rumah-rumah kamu ialah sebuah rumah yang ada padanya seorang anak yatim yang dimuliakan – (maksud) hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi.

* * * *

Kesihatan dan kekayaan ialah dua nikmat yang kerap kali tidak dimustahakkan orang oleh sebab ia mengendalikan kepada kekuatan padahal kerap kali orang itu didapati hari ini sihat, esokkannya sakit dan hari ini kaya esoknya papa.

* * * *

Pindahlah dari tempat kamu yang dikatakan kamu kelalaian kepadanya – (maksud) hadis sohih yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi.

* * * *

Kekayaan itu hanya suatu amanah Tuhan kepada kita bagi menjalankan kewajipan – kewajipan yang diredhai-Nya. Kemiskinan itu pula ialah suatu kelonggaran daripada Tuhan yang dengannya kita bebas daripada kewajipan-kewajipan yang telah ditentukan-Nya – kaya dengan tidak menjalankan kewajipan dan amanah itu lebih baik miskin dengan mendapat keredhaan Allah.

* * * *

“Hai orang-orang yang beriman belanjakanlah sebahagian daripada apa yang kami telah kurniakan kepada kamu sebelum datang satu hari yang tidak ada perniagaan padanya, tidak ada persahabatan dan tidak ada syafaat dan orang-orang yang kafir itu ialah orang-orang yang zalim” – maksud firman Allah dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 254.